


## Penunjuk dan protokol penyelidikan untuk menilai pengeluar dan pedagang minyak sawit – November 2018

SPOTT menggunakan rangka kerja terperinci [119 penunjuk dan protokol penyelidikan untuk menilai pengeluar dan pedagang minyak sawit](#) melalui pendedahan umum dasar, operasi dan komitmen mereka terhadap amalan terbaik alam sekitar, sosial dan tadbir (ESG). Rangka kerja ini bertujuan memastikan pendekatan adil dan konsisten dalam menilai kesemua syarikat SPOTT. Untuk mendapatkan mata, syarikat mesti menyiarkan maklumat yang diperlukan secara terbuka di laman web mereka; dalam laporan tahunan, laporan kelestarian, pembentangan atau dokumen awam lain; di laman web syarikat induk dan/atau subsidiari (jika berkenaan), atau di platform pihak ketiga tertentu ("Sumber luaran").

|  <b>Dasar kelestarian dan kepimpinan</b> |  |  |
|--|--|--|
| ID   | Penunjuk   | Protokol penyelidikan  |
| 1  | Dasar atau komitmen minyak sawit lestari untuk semua operasi syarikat                        | <p>✔ <b>[1 mata] Ya:</b> Dasar syarikat itu sendiri terhadap minyak sawit lestari/bertanggungjawab/beretika (atau seumpamanya) untuk semua operasi minyak sawit (iaitu semua minyak sawit yang dihasilkan, dibeli dan/atau didagangkan), atau dengan jelas berkomitmen terhadap dasar syarikat induk atau pembeli yang meliputi semua operasi. Dokumen boleh bersifat sendiri atau dasar jelas berkenaan dengan kelestarian. Dasar haruslah meliputi pelbagai dimensi kelestarian bagi keseluruhan operasi syarikat termasuk pelbagai isu sosial dan alam sekitar.</p> <p>🟡 <b>[0.5 mata] Separa:</b> Berkomitmen melaksanakan dasar syarikat induk atau pembekal tetapi tidak menyatakan dengan jelas jika dasar itu dikenakan terhadap semua operasi, atau mempunyai dasar tetapi tidak jelas jika dasar itu dikenakan terhadap semua operasi (iaitu semua minyak sawit yang dihasilkan, dibeli dan/atau didagangkan), atau sekadar dasar atau komitmen am.</p> <p>✖ <b>[0 mata] Tidak:</b> Tidak ada dasar atau komitmen, atau hanya ada pernyataan am yang menunjukkan syarikat berkomitmen melaksanakan kelestarian, atau mempunyai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) sahaja.</p> |
| 2  | Dasar atau komitmen kelestarian dikenakan kepada pembekal langsung dan pembekal pihak ketiga | <p>✔ <b>[1 mata] Ya:</b> Menyatakan dengan khusus bahawa dasar dikenakan pada semua pembekal, termasuk pembekal langsung dan pembekal pihak ketiga, atau dikenakan pada keseluruhan rantai bekalan, dan memenuhi sepenuhnya keperluan penunjuk terdahulu.</p> <p>🟡 <b>[0.5 mata] Separa:</b> Dasar hanya memenuhi sebahagian daripada keperluan penunjuk terdahulu, atau mempunyai dasar tetapi tidak jelas jika dasar itu dikenakan pada semua pembekal, termasuk pembekal pihak ketiga, atau hanya sebahagian daripada dasar itu dikenakan pada pembekal, atau mempunyai polisi pembekal/penyumberan yang berasingan yang lebih terhad skopnya daripada dasar utama kelestarian, dan memenuhi sepenuhnya keperluan penunjuk terdahulu.</p> <p>✖ <b>[0 mata] Tidak:</b> Tiada dasar atau komitmen seperti pada penunjuk terdahulu, atau dasar tidak dikenakan pada pembekal langsung atau pembekal pihak ketiga.</p>  |
| 3  | Penjawat jawatan tinggi yang bertanggungjawab terhadap kelestarian                           | <p>✔ <b>[1 mata] Ya:</b> Melaporkan penjawat jawatan tinggi yang bertanggungjawab terhadap kelestarian, contohnya, ahli lembaga, pengarah kelestarian, ketua pegawai kelestarian, kumpulan eksekutif.</p> <p>🟡 <b>[0.5 mata] Separa:</b> Pasukan kelestarian atau seumpamanya, tetapi tidak jelas individu yang mempunyai tanggungjawab peringkat tinggi.</p> <p>✖ <b>[0 mata] Tidak:</b> Tiada kakitangan yang bertanggungjawab terhadap kelestarian dilaporkan.</p>  |

|   |  |   |
|---|--|---|
| 4 | Laporan kelestarian diterbitkan dalam tempoh dua tahun lepas   | <p>✔ [1 mata] Ya: Menerbitkan atau mengemaskinikan laporan kelestarian dalam tempoh dua tahun lepas (iaitu boleh diterbitkan pada 2017 tetapi mungkin mencakupi 2016). Laporan tahunan yang disepadukan dengan kandungan kelestarian boleh diterima jika diperincikan secukupnya (iaitu meliputi keseluruhan aspek alam sekitar dan sosial dan berhalaman lebih daripada dua muka surat tentang kelestarian minyak kelapa sawit).</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Diterbitkan lebih daripada dua tahun lepas.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada laporan, atau tidak cukup butiran dinyatakan dalam laporan tahunan.</p> <p>Sumber luaran: <a href="#">Pengkalan data GRI</a>.</p>  |
| 5 | Ahli kepada skim industri pelbagai atau inisiatif luar lain untuk meningkatkan kelestarian berkaitan dengan minyak sawit | <p>✔ [1 mata] Ya: Menjadi anggota dua atau lebih skim.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Ahli kepada hanya satu skim, atau hanya syarikat induk/subsidiari merupakan ahli.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada keahlian dalam mana-mana organisasi berkaitan.</p> <p>Nota: Contoh, termasuk <a href="#">TFT</a>, <a href="#">POIG</a>, <a href="#">UNGC</a>, <a href="#">WBCSD</a>, <a href="#">TFA 2020</a>, <a href="#">HCS Approach Steering Group</a>, <a href="#">HCV Network</a>, <a href="#">FFA</a>, <a href="#">NCC</a>, <a href="#">CGF</a>, <a href="#">GAA</a> atau lain-lain yang jelas fokus pada kelestarian berkaitan dengan minyak sawit (dinilai dengan kaedah kes demi kes). Syarikat sebaiknya melaporkan keahlian secara langsung di laman web mereka atau dalam laporan syarikat itu sendiri dan mestilah jelas disenaraikan sebagai ahli.</p> |
| 6 | Laporan pengesahan pematuhan Piagam Kumpulan Inovasi Minyak Sawit (POIG), jika syarikat merupakan ahli POIG              | <p><b>Dilumpuhkan jika bukan ahli POIG.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Syarikat merupakan ahli POIG, dan laporan pengesahan POIG sudah diterbitkan.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Syarikat merupakan ahli POIG, tetapi laporan pengesahan POIG belum diterbitkan.</p>   |
| 7 | Aktiviti bersama kerajaan, NGO atau institusi akademik untuk memperbaiki kelestarian minyak kelapa sawit                 | <p>✔ [1 mata] Ya: Aktiviti dengan kerajaan, NGO atau institusi akademik tertumpu pada mencapai kelestarian lebih luas di kawasan syarikat beroperasi, seperti pendekatan bidang kuasa, kerjasama masyarakat, projek khusus, atau pengukuhan skim persijilan.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Aktiviti dengan kerajaan, NGO atau institusi akademik tetapi tiada butiran atau butiran diberikan sangat terhad atau tidak jelas menumpukan kelestarian lebih luas.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Aktiviti dijalankan berusia melebihi lima tahun atau tidak bertarikh.</p>   |




## Simpanan tanah, peta dan kebolehejakan

| ID | Penunjuk   | Protokol penyelidikan  |
|----|--|--|
| 8  | Jumlah kawasan tanah yang diurus/dikawal untuk perladangan kelapa sawit (hektar)       | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] <b>Ya:</b> Jumlah simpanan tanah yang diurus/dikawal syarikat untuk perladangan kelapa sawit (mungkin termasuk infrastruktur atau tanaman lain jika dinyatakan dengan jelas).</p> <p>🟡 [0.5 mata] <b>Separa:</b> Data berusia melebihi dua tahun, atau data hanya menyatakan jumlah simpanan tanah (termasuk tanaman lain) tetapi kawasan diperuntukkan untuk kelapa sawit tidak jelas, atau data yang disediakan tidak meliputi skop operasi yang diketahui syarikat, atau angka rumit untuk dikira (iaitu jumlah simpanan tanah tolak kawasan tanaman getah).</p> <p>✖ [0 mata] <b>Tidak:</b> Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh, atau angka disediakan menggabungkan kawasan yang dikawal oleh syarikat dengan kawasan pembekal bebas syarikat itu.</p> <p><b>Sumber luaran:</b> RSPO ACOP 2.1.7 Jumlah tanah yang dikawal/diuruskan untuk penanaman kelapa sawit (<i>autosum</i>).</p> |
| 9  | Jumlah keluasan penanaman kelapa sawit (hektar)  | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] <b>Ya:</b> Jumlah kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit, termasuk kedua-dua estet/nukleus dan kebun skim pekebun kecil/plasma, jika berkenaan.</p> <p>🟡 [0.5 mata] <b>Separa:</b> Data berusia melebihi dua tahun, atau data yang disediakan tidak meliputi skop operasi syarikat yang diketahui, atau angka rumit untuk dikira.</p> <p>✖ [0 mata] <b>Tidak:</b> Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh, atau angka yang disediakan menggabungkan kawasan yang dikawal oleh syarikat dengan kawasan pembekal bebas syarikat itu.</p> <p><b>Sumber luaran:</b> RSPO ACOP 2.1.2 Jumlah tanah yang dikawal/diuruskan untuk penanaman kelapa sawit, ditanam.</p>  |
| 10 | Kawasan yang ditanam plasma/skim pekebun kecil (hektar)                                | <p><b>Dilumpuhkan jika tiada plasma/skim pekebun kecil atau jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] <b>Ya:</b> Jumlah kawasan plasma/skim pekebun kecil yang ditanam dengan kelapa sawit.</p> <p>🟡 [0.5 mata] <b>Separa:</b> Data berusia melebihi dua tahun, atau data disediakan tidak meliputi skop operasi syarikat yang diketahui, atau angka rumit untuk dikira.</p> <p>✖ [0 mata] <b>Tidak:</b> Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p> <p><b>Sumber luaran:</b> RSPO ACOP 2.1.6 Jumlah tanah di bawah skim/pekebun kecil plasma yang diiktiraf dan 2.1.6.1 Jumlah tanah di bawah skim/pekebun kecil plasma yang tidak diiktiraf.</p>   |
| 11 | Tidak ditanam (kawasan yang ditetapkan untuk penanaman pada masa akan datang) (hektar) | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] <b>Ya:</b> Kawasan belum ditanam tetapi telah ditetapkan untuk penanaman kelapa sawit pada masa akan datang atau telah memperoleh permit yang diperlukan untuk penanaman kelapa sawit (contohnya, memperoleh HGU di Indonesia).</p> <p>🟡 [0.5 mata] <b>Separa:</b> Istilah tidak jelas (iaitu menyatakan "tidak boleh ditanam" atau "tidak ditanam, termasuk infrastruktur"), atau data berusia melebihi dua tahun, atau data disediakan tidak meliputi skop operasi syarikat yang diketahui, atau angka rumit untuk dikira.</p> <p>✖ [0 mata] <b>Tidak:</b> Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p> <p><b>Sumber luaran:</b> RSPO ACOP 2.1.3 Jumlah kawasan yang tidak ditanam.</p>   |

|    |   |  |
|----|---|--|
| 12 | Kawasan yang diasingkan bagi tujuan pemuliharaan, termasuk kawasan Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV) (hektar) | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Kawasan yang diasingkan bagi tujuan pemuliharaan, termasuk kawasan HCV, HCS, dan selainnya seperti tanah gambut, cerun curam.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Data berusia melebihi dua tahun, atau data disediakan tidak meliputi skop operasi syarikat yang diketahui, atau angka rumit untuk dikira.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh, atau angka yang disediakan menggabungkan kawasan yang diasingkan oleh syarikat dengan kawasan yang diasingkan oleh pembekal syarikat.</p> <p><b>Sumber luaran:</b> RSPO ACOP 2.1.4 Jumlah tanah yang ditetapkan dan diurus sebagai kawasan HCV; 2.1.5 Kawasan pemuliharaan lain yang diasingkan tidak termasuk kawasan HCV.</p>   |
| 13 | Kawasan untuk infrastruktur (hektar)  | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Kawasan untuk infrastruktur (iaitu kilang, jalan raya, bangunan).</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Data berusia melebihi dua tahun, atau data disediakan tidak meliputi skop operasi syarikat yang diketahui, atau angka rumit untuk dikira.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p>   |
| 14 | Bilangan dan nama kilang dimiliki syarikat  | <p><b>Dilumpuhkan jika syarikat tidak mempunyai kilang sendiri.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Bilangan dan nama kilang dimiliki syarikat</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Data berusia melebihi dua tahun, atau data disediakan tidak meliputi skop operasi syarikat yang diketahui, atau syarikat menyediakan bilangan dan nama kilang sahaja.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p> <p><b>Sumber luaran:</b> RSPO ACOP 2.6.1 Bilangan Kilang Minyak Sawit (Palm Oil Mills) yang diurus; <a href="#">Penanam Diiktiraf RSPO (RSPO Certified Growers)</a>; <a href="#">Satu Peta Kelapa Sawit (One Oil Palm Maps)</a>.</p>  |
| 15 | Peta atau koordinat kilang dimiliki syarikat  | <p><b>Dilumpuhkan jika syarikat tidak mempunyai kilang sendiri. Maklumat mestilah dalam satu atau dua tempat dan bukannya tersebar di beberapa tempat.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Nama dan koordinat, atau alamat yang mampu memaparkan lokasi pada Google Maps, atau nama dan peta georujukan (shapefile, KML) untuk semua kilang.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Sama seperti di atas, tetapi hanya untuk beberapa kilang sahaja, atau data berusia melebihi dua tahun, atau imej statik yang menunjukkan lokasi semua kilang, atau hanya nama kilang, atau maklumat tidak jelas diberikan berkenaan dengan perkara di atas.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh, atau fail imej statik tidak berskala tempatan (iaitu kedudukan estet tidak boleh ditentukan dengan tepat), atau teks pada imej tidak boleh dibaca.</p> <p><b>Sumber luaran:</b> <a href="#">Global Forest Watch - kilang kelapa sawit</a> dan <a href="#">Kilang RSPO</a>; <a href="#">GeoRSPO</a>.</p> |
| 16 | Bilangan dan nama kilang pembekal   | <p><b>Dilumpuhkan jika bukan pemproses/pedagang atau jika hanya sumber dari kilang sendiri.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Namadan syarikat induk bagi semua kilang pembekal (kilang yang membekalkan minyak sawit mentah (CPO) dan Isirong Kelapa Sawit (PK)).</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Hanya menyatakan bilangan kilang pembekal, atau maklumat tentang nama/syarikat induk, atau maklumat tidak jelas diberikan berkenaan dengan perkara di atas, atau data berusia melebihi dua tahun.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Data berusia melebihi lima tahun.</p>  |


|    |   |   |
|----|---|---|
| 17 | Peta estet/pengurusan unit  | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang sahaja. Maklumat mestilah dalam satu atau dua tempat dan bukannya tersebar di beberapa tempat.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Nama dan peta georujukan yang jelas menunjukkan sempadan estet (contohnya, shapefile atau KML) untuk semua estet, atau menyatakan dengan khusus bahawa peta mewakili 100% tapak konsesi di ACOP RSPO.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Nama dan peta georujukan untuk beberapa estet, atau tidak jelas jika semua estet, atau hanya mempunyai fail imej yang menunjukkan lokasi tempatan semua/beberapa estet, atau data berusia melebihi dua tahun.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada data, atau tidak bertarikh, atau fail imej statik tidak berskala tempatan (iaitu kedudukan estet tidak boleh ditentukan dengan tepat), atau teks pada imej tidak boleh dibaca.</p> <p><b>Sumber luaran:</b> RSPO ACOP 5.1 Peta konsesi; 5.2 Peta akuan; <a href="#">Konsesi minyak sawit Global Forest Watch</a>; <a href="#">GeoRSPO</a></p> |
| 18 | Peta plasma/skim pekebun kecil  | <p><b>Dilumpuhkan jika tiada skim/pekebun kecil plasma atau jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Peta georujukan (shapefile atau KML) untuk semua estet skim pekebun kecil.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Peta georujukan bagi beberapa estet skim pekebun kecil, atau tidak jelas jika semua skim pekebun kecil, atau hanya mempunyai gambar fail menunjukkan lokasi semua/beberapa skim pekebun kecil, atau data berusia melebihi dua tahun.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada data, atau tidak bertarikh, atau fail imej statik tidak berskala tempatan (iaitu kedudukan estet tidak boleh ditentukan dengan tepat), atau teks dalam imej tidak boleh dibaca.</p> <p><b>Sumber luaran:</b> <a href="#">GeoRSPO</a>.</p>   |
| 19 | Komitmen terikat masa untuk mencapai 100% kebolehejakan hingga ke peringkat kilang      | <p><b>Dilumpuhkan jika bukan pemproses/pedagang atau jika hanya sumber daripada kilang sendiri.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen terikat masa untuk 100% kebolehejakan hingga ke peringkat kilang (atau 100% kebolehejakan hingga ke peringkat kilang minyak sawit dalam rangkaian bekalan) atau sudah mencapai 100% kebolehejakan (dalam tempoh dua tahun lepas).</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Komitmen terhadap kurang daripada 100% kebolehejakan, atau tidak terikat dengan masa, atau komitmen pada masa lalu tetapi tidak dicapai.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen.</p>  |
| 20 | Komitmen terikat masa untuk mencapai 100% kebolehejakan hingga ke peringkat perladangan | <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen terikat masa untuk 100% kebolehejakan hingga ke peringkat perladangan (atau 100% kebolehejakan hingga ke peringkat perladangan Tandan Buah Segar (FFB)) atau sudah mencapai 100% kebolehejakan (dalam tempoh dua tahun lepas).</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Komitmen terhadap kurang daripada 100% kebolehejakan, atau tidak terikat dengan masa, atau komitmen pada masa lalu tetapi tidak dicapai, atau pernyataan tidak jelas iaitu tidak menyatakan dengan khusus sama ada pada peringkat perladangan atau ladang.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen.</p>   |
| 21 | Peratusan bekalan yang boleh dijejak hingga ke peringkat kilang (melebihi 80%)          | <p><b>Dilumpuhkan jika bukan pemproses/pedagang atau jika hanya sumber daripada kilang sendiri.</b> Untuk operasi hiliran, keseluruhan peratusan daripada bekalan minyak sawit (iaitu Minyak Sawit Mentah (CPO) dan Isirong Kelapa Sawit (PK)) boleh dijejak hingga ke kilang (atau peratusan kebolehejakan hingga ke kilang untuk kilang penapisan dan penghancuran isirong).</p> <p>✔ [1 mata] Ya: 80%-100%.</p> <p>🟡 [1.5 mata] Separa: 60% -79%.</p> <p>🟡 [1 mata] Separa: 40%-59%.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: 20%-39%.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: 0%-19%, atau data berusia melebihi dua tahun.</p>   |

|    |   |   |
|----|---|---|
| 22 | Peratusan tandan buah segar (FFB) dari kilang sendiri boleh dijejak hingga ke peringkat perladangan (melebihi 75%)      | <p><b>Dilumpuhkan jika syarikat tidak mempunyai kilang sendiri.</b> Bagi kilang sendiri dimiliki syarikat (operasi huluan), keseluruhan peratusan bekalan FFB boleh dijejak hingga ke peringkat perladangan, termasuk pekebun kecil dan pembekal, jika berkenaan. Boleh dikira daripada peratusan Identiti Terpelihara (Identity Preserved) RSPO.</p> <p>✔ [2 mata] Ya: 75% - 100%.<br/>         🟡 [1.5 mata] Separa: 50%-74%.<br/>         🟡 [1 mata] Separa: 25%-49%.<br/>         🟡 [0.5 mata] Separa: 1%-24%.<br/>         ❌ [0 mata] Tidak: 0%, atau data berusia melebihi dua tahun.</p> <p>Sumber luaran: <a href="#">Penanam Diiktiraf RSPO (RSPO Certified Growers)</a>.</p> |
| 23 | Peratusan tandan buah segar (FFB) daripada kilang pembekal boleh dijejak hingga ke peringkat perladangan (melebihi 75%) | <p><b>Dilumpuhkan jika bukan pemproses/pedagang atau jika hanya sumber dari kilang sendiri.</b> Bagi operasi hiliran, keseluruhan peratusan bekalan FFB atau bekalan minyak sawit (iaitu Minyak Sawit Mentah (CPO) dan Isirong Kelapa Sawit (PK)) dari kilang pembekal boleh dijejak hingga ke perladangan.</p> <p>✔ [2 mata] Ya: 75% - 100%.<br/>         🟡 [1.5 mata] Separa: 50%-74%.<br/>         🟡 [1 mata] Separa: 25%-49%.<br/>         🟡 [0.5 mata] Separa: 1%-24%.<br/>         ❌ [0 mata] Tidak: 0%, atau data berusia melebihi dua tahun.</p>  |

|  | <b>Pembasmian hutan dan biodiversiti</b>   |  |
|--|--|--|
| ID   | Penunjuk   | Protokol penyelidikan  |
| 24   | Komitmen terhadap pembasmian hutan sifar   | <p>✔ [1 mata] Ya: Mempunyai komitmen "tidak menebang hutan" atau "pembasmian hutan sifar", atau jelas menyatakan perladangan tidak akan dibangunkan di kawasan HCV, HCS dan tanah gambut.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Tiada komitmen bagi net pembasmian hutan (mengakui bahawa sesesetengah hutan yang ditebang dapat diimbangi semula dengan pemulihan hutan seperti melalui pembelian REDD+, timbal balik (offset) atau mitigation banking), atau mempunyai komitmen "tiada pembasmian hutan" yang tidak jelas.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen.</p>  |
| 25   | Komitmen pembasmian hutan dikenakan terhadap skim pekebun kecil dan pembekal bebas | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang atau jika tidak mempunyai sama ada skim pekebun kecil mahupun pembekal bebas.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen (sama ada menangani pembasmian hutan atau tiada pembasmian hutan) dikenakan terhadap skim pekebun kecil dan pembekal bebas (sekiranya mempunyai kedua-duanya sekali, atau terhadap satu sahaja jika hanya mempunyai satu), atau terhadap semua pembekal.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Komitmen hanya dikenakan terhadap skim pekebun kecil dan pembekal bebas (jika mempunyai kedua-duanya), dan memenuhi sepenuhnya keperluan penunjuk terdahulu.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Komitmen memenuhi hanya sebahagian daripada keperluan penunjuk terdahulu, atau tiada komitmen.</p> |
| 26   | Kriteria untuk menentukan takrif pembasmian hutan                                  | <p>✔ [1 mata] Ya: Menyatakan secara khusus kriteria atau jenis hutan/kawasan yang tidak akan dimusnahkan seperti hutan primer, <i>Intact Forest Landscapes</i> (IFLs), hutan sekunder, hutan terganggu, kawasan HCS, kawasan HCV.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tidak menyatakan kriteria secara khusus.</p>  |

|    |   |   |
|----|---|---|
| 27 | Bukti pemantauan pembasmian hutan   | <p>✔ [1 mata] Ya: Menyatakan secara khusus cara pemantauan pembasmian hutan (iaitu cara memantau pencerobohan), termasuk seluas mana kawasan dipantau dan/atau jangka masa.</p> <p>⚠ [0.5 mata] Separa: Metodologi, seluas mana kawasan dipantau untuk pembasmian hutan, dan/atau jangka masa tidak jelas.</p> <p>✘ [0 mata] Tidak: Data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p>   |
| 28 | Contoh pengurusan habitat dan/atau pemulihan habitat  | <p>✔ [1 mata] Ya: Beberapa contoh atau bukti pengurusan habitat atau aktiviti pemulihan habitat di kawasan pemuliharaan yang diasingkan syarikat atau di landskap persekitaran tempat syarikat beroperasi (termasuk aktiviti dalam kawasan HCV, HCS, zon penamparan (<i>buffer zones</i>), hutan, tanah gambut, paya bakau, tanah lembap).</p> <p>⚠ [0.5 mata] Separa: Hanya satu daripada contoh pengurusan habitat atau pemulihan.</p> <p>✘ [0 mata] Tidak: Data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p> <p><b>Nota:</b> Contoh boleh juga termasuk rehabilitasi rizab riparian, pemulihan hutan asli, peningkatan hutan bakau, penanaman pokok, penandaan sempadan yang jelas, meletakkan papan tanda, menanam spesies asli, memastikan tiada jalan raya, memantau penenggelaman tanah gambut, menghadkan akses, rondaan.</p> |
| 29 | Melaksanakan pendekatan perancangan landskap ( <i>landscape-level approach</i> ) untuk pemuliharaan biodiversiti                        | <p>✔ [1 mata] Ya: Melaksanakan pendekatan perancangan landskap dengan tumpuan pada pemuliharaan alam sekitar/biodiversiti (atau seumpamanya).</p> <p>⚠ [0.5 mata] Separa: Kenyataan tentang mengakui pentingnya pendekatan landskap, tetapi tidak jelas jika pendekatan itu dilaksanakan, atau butiran disediakan terhad.</p> <p>✘ [0 mata] Tidak: Data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p>  |
| 30 | Komitmen terhadap pemuliharaan biodiversiti   | <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen untuk memulihara biodiversiti menjangkau sekadar menyebut tentang HCV.</p> <p>✘ [0 mata] Tidak: Hanya menyebut biodiversiti, atau hanya menyebut biodiversiti yang berkaitan dengan HCV dalaman.</p>   |
| 31 | Komitmen untuk tidak membahayakan spesies dalam pemuliharaan berkenaan, merujuk sistem klasifikasi spesies antarabangsa atau kebangsaan | <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen untuk melindungi spesies dalam pemuliharaan berkenaan (iaitu spesies nadir, terancam, hampir pupus), merujuk sistem yang sesuai bagi pengelasan spesies (contohnya, Senarai Merah IUCN (<i>IUCN Red List</i>); senarai merah kebangsaan).</p> <p>⚠ [0.5 mata] Separa: Komitmen yang jelas untuk melindungi spesies tetapi tidak menyebut sistem pengelasan spesies, atau komitmen tidak jelas (contohnya, hanya menyatakan usaha melindungi) tetapi tidak merujuk pada sistem pengelasan spesies.</p> <p>✘ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen.</p>   |
| 32 | Komitmen untuk tidak memburu atau hanya melibatkan pemburuan mampan spesies   | <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen untuk tidak memburu bagi semua spesies atau hanya membenarkan pemburuan mampan (iaitu pemburuan oleh masyarakat setempat untuk tujuan sara hidup yang tidak menyebabkan penurunan populasi spesies tempatan sahaja).</p> <p>⚠ [0.5 mata] Separa: Hanya tidak memburu spesies hampir pupus, nadir, terancam, atau komitmen tidak memburu hanya dikenakan pada peringkat tertentu operasi (contohnya, tidak memburu hanya jika dalam kawasan yang diasingkan untuk pemuliharaan).</p> <p>✘ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen.</p>   |


|    |                                      |  |
|----|--------------------------------------|--|
| 33 | Contoh aktiviti pemuliharaan spesies | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] <b>Ya:</b> Beberapa contoh atau bukti aktiviti pemuliharaan spesies khas (haiwan dan/atau tumbuh-tumbuhan) di kawasan konsesi syarikat atau kawasan yang diasingkan, atau di landskap sekitar tempat syarikat beroperasi. Sebagai contoh: aktiviti anti-pemburuan haram; latihan atau pendidikan tentang biodiversiti/spesies; menangani spesies asing invasif; menangani pemerdagangan spesies ditangkap liar; meletakkan papan tanda dilarang memburu spesies; pemasangan kotak sarang; menanam pokok terancam.</p> <p>🟡 [0.5 mata] <b>Separah:</b> Hanya terdapat satu contoh pemuliharaan spesies, atau hanya menyebut tentang pemantauan spesies dan tidak jelas cara maklumat ini digunakan untuk melaksanakan pemuliharaan spesies, atau hanya menyebutkan pemuliharaan spesies di kawasan syarikat tidak beroperasi (misalnya, pembiayaan melalui cabang dermawan untuk pemuliharaan spesies di luar negeri).</p> <p>✖ [0 mata] <b>Tidak:</b> Data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p> |
|----|--------------------------------------|--|

|  <b>Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV), Stok Karbon Tinggi (HCS) dan impak penilaian</b> |  |   |
|---|--|---|
| ID  | Penunjuk   | Protokol penyelidikan   |
| 34  | Komitmen untuk melaksanakan penilaian Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV)  | <p>✔ [1 mata] <b>Ya:</b> Komitmen sepenuhnya untuk melaksanakan penilaian HCV bagi semua pembangunan/penanaman baharu atau komited terhadap HCV bagi semua penyumberan.</p> <p>🟡 [0.5 mata] <b>Separah:</b> Tidak jelas jika komitmen dikenakan terhadap semua pembangunan/penanaman baharu, atau tidak menyatakan komitmen sendiri, tetapi syarikat merupakan ahli RSPO, iaitu komited di bawah Prosedur Penanaman Baharu (NPP) RSPO.</p> <p>✖ [0 mata] <b>Tidak:</b> Tiada komitmen.</p>  |
| 35  | Komitmen HCV dikenakan terhadap skim pekebun kecil dan pembekal bebas  | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang atau tidak mempunyai sama ada skim pekebun kecil mahupun pembekal bebas.</b></p> <p>✔ [1 mata] <b>Ya:</b> Komitmen HCV dikenakan terhadap skim pekebun kecil dan pembekal bebas (jika mempunyai kedua-duanya, atau hanya terhadap satu sahaja jika mempunyai satu), atau terhadap semua pembekal, dan memenuhi sepenuhnya keperluan penunjuk terdahulu.</p> <p>🟡 [0.5 mata] <b>Separah:</b> Komitmen memenuhi hanya sebahagian keperluan penunjuk terdahulu, atau komitmen hanya dikenakan terhadap skim pekebun kecil atau pembekal bebas (jika mempunyai kedua-duanya), dan memenuhi sepenuhnya keperluan penunjuk terdahulu.</p> <p>✖ [0 mata] <b>Tidak:</b> Komitmen hanya dikenakan terhadap skim pekebun kecil atau pembekal bebas (jika mempunyai kedua-duanya), dan hanya memenuhi sebahagian daripada keperluan penunjuk terdahulu, atau komitmen tidak dikenakan terhadap skim pekebun kecil atau pembekal bebas.</p> |
| 36  | Komitmen untuk hanya menggunakan penilai berlesen Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV) yang ditauliahkan <i>Assessor Licensing Scheme (ALS)</i> daripada rangkaian Sumber HCV ( <i>HCV Resource Network</i> ) | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] <b>Ya:</b> Komitmen untuk menggunakan penilai berlesen HCV ALS.</p> <p>🟡 [0.5 mata] <b>Separah:</b> Menyatakan secara khusus penilai HCVRN, tetapi tidak jelas jika daripada ALS, atau tidak menyatakan komitmen sendiri, tetapi merupakan anggota RSPO, iaitu komited di bawah NPP, RSPO.</p> <p>✖ [0 mata] <b>Tidak:</b> Tiada komitmen.</p>   |



|    |  |   |
|----|--|---|
| 37 | Penilaian Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV) untuk penanaman dilaksanakan sebelum Januari 2015, dan pelan pengurusan dan pemantauan berkaitan | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Sekurang-kurangnya satu penilaian HCV (laporan penuh atau ringkasan) bagi penanaman dilaksanakan sebelum Januari 2015 boleh diperoleh secara awam. Semua penilaian HCV yang boleh diperoleh secara awam mesti mempunyai pelan pengurusan dan pemantauan berkaitan (pelan penuh atau ringkasan).</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Penilaian HCV boleh diperoleh secara awam, tetapi tidak mempunyai pelan pengurusan dan pemantauan atau hanya beberapa penilaian HCV berpelan pengurusan dan pemantauan, atau sudah mengemukakan NPP RSPO, tetapi tiada dokumen berkaitan boleh didapati secara awam.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Jika semuanya tidak boleh didapati, atau hanya menyatakan penilaian HCV telah dibuat, tetapi tiada dokumen atau ringkasan boleh didapati.</p>  |
| 38 | Penilaian Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV) bagi semua estet yang ditanam sejak Januari 2015   | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang atau jika tiada penanaman baharu sejak Januari 2015, kecuali sudah melaksanakan penilaian HCV untuk bukan penanaman baharu.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Penilaian HCV (laporan atau ringkasan) boleh diperoleh secara awam untuk semua kawasan baru ditanam, atau jika tiada penanaman baharu, suatu penilaian HCV (laporan atau ringkasan) boleh diperolehi secara awam.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Penilaian HCV (laporan atau ringkasan) boleh diperoleh secara awam hanya untuk beberapa penanaman baharu, atau sudah mengemukakan NPP RSPO untuk semua penanaman baharu, tetapi dokumen penilaian HCV berkaitan tidak boleh diperoleh secara awam.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tiada penilaian HCV, tetapi penanaman baharu dilaporkan.</p> <p>Sumber luaran: <a href="#">HCVRN</a>; <a href="#">Pemberitahuan NPP RSPO</a>; RSPO ACOP 2015 2.6.1 Kawasan yang ditanam dalam tempoh pelaporan ini; RSPO ACOP 2016 dan 2017 2.4.1 Kawasan baharu yang ditanam dalam tempoh pelaporan ini.</p> |
| 39 | Pelan pengurusan dan pemantauan Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV) untuk semua estet yang ditanam sejak Januari 2015                          | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang atau jika tiada penanaman baharu sejak Januari 2015, kecuali sudah melaksanakan penilaian HCV untuk bukan penanaman baharu.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Pelan pengurusan dan pemantauan HCV (laporan atau ringkasan) boleh diperoleh untuk SEMUA kawasan baru ditanam, atau jika tiada penanaman baharu, pelan pengurusan dan pemantauan HCV (laporan atau ringkasan) boleh diperoleh secara awam.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Pelan penilaian dan pemantauan HCV (laporan atau ringkasan) boleh diperoleh secara awam hanya untuk beberapa penanaman baharu, atau sudah mengemukakan NPP RSPO untuk semua penanaman baharu, tetapi dokumen pelan pengurusan dan pemantauan HCV berkaitan tidak boleh diperoleh secara awam.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tiada pelan pengurusan dan pemantauan HCV, tetapi penanaman baharu dilaporkan.</p> <p>Sumber luaran: <a href="#">Pemberitahuan NPP RSPO</a>.</p>  |
| 40 | Ulasan memuaskan terhadap semua penilaian Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV) dilaksanakan sejak Januari 2015 oleh Panel Kualiti ALS HCV       | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang atau jika tiada penanaman baharu sejak Januari 2015, kecuali sudah melaksanakan penilaian HCV untuk bukan penanaman baharu.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Semua penilaian HCV dilaksanakan sejak Januari 2015 dikaji semula kualiti dan dianggap memuaskan.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Hanya beberapa penilaian HCV sejak Januari 2015 dikaji semula kualiti dan dianggap memuaskan, atau masih sedang dikaji semula di laman web HCVRN.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tiada kualiti dikaji semula atau tiada yang dianggap memuaskan.</p> <p>Sumber luaran: <a href="#">Ringkasan Awam HCVRN</a>.</p>  |
| 41 | Komitmen terhadap Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCS)  | <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen untuk menerapkan Pendekatan HCS, sebagaimana yang ditakrifkan oleh Kit Peralatan Pendekatan HCS, untuk semua pembangunan/penanaman/penyumberan baharu.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Tidak jelas jika dikenakan terhadap semua pembangunan/penanaman baharu, atau tidak jelas sama ada itu Pendekatan HCS atau sebagai satu lagi metodologi penilaian stok karbon tinggi.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen.</p>   |

|    |   |   |
|----|---|---|
| 42 | Penilaian Stok Karbon Tinggi (HCS)  | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang atau jika tiada penanaman baharu sejak Januari 2016.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Mana-mana laporan atau ringkasan penilaian HCS yang boleh diperoleh secara awam, sama ada menggunakan Pendekatan HCS atau kaedah stok karbon tinggi lain.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Penilaian HCS masih ditunggu dikaji semula.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada penilaian HCS dikemukakan.</p> <p>Sumber luaran: <a href="#">Penilaian Berdaftar Pendekatan HCS</a>.</p>  |
| 43 | Komitmen untuk melaksanakan Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA)                                      | <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen untuk melaksanakan SEIA (atau kedua-dua EIA dan SIA) sebelum semua pembangunan/penanaman baharu. Padanan tempatan boleh diterima, misalnya AMDAL sebagai EIA di Indonesia.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Komitmen yang tidak jelas terhadap SEIA sebelum semua pembangunan/penanaman baharu, atau hanya menyebutkan EIA/AMDAL atau SIA, atau jika ahli RSPO, komited di bawah NPP RSPO.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen.</p>   |
| 44 | Penilaian impak sosial dan alam sekitar (SEIA) dilaksanakan, dan pelan pengurusan dan pemantauan yang berkaitan | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang sahaja.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Sekurang-kurangnya satu penilaian SEIA (laporan penuh atau ringkasan) boleh didapati secara awam. Semua penilaian SEIA yang boleh diperoleh secara awam mesti mempunyai pelan pengurusan dan pemantauan yang berkaitan (pelan penuh atau ringkasan).</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Penilaian SEIA boleh diperoleh secara awam, tetapi tidak mempunyai pelan pengurusan dan pemantauan atau hanya SIA atau EIA yang boleh diperoleh secara awam, atau telah mengemukakan NPP RSPO, tetapi tiada dokumen berkaitan yang boleh didapati secara awam.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Semua tiada, atau hanya menyatakan telah melaksanakan penilaian SEIA, tetapi tiada dokumen atau ringkasan boleh didapati.</p> <p>Sumber luaran: <a href="#">Pemberitahuan NPP</a>.</p> |

|  <b>Gambut, kebakaran, dan pelepasan gas rumah hijau (GHG)</b> |  |  |
|--|--|--|
| ID   | Penunjuk   | Protokol penyelidikan  |
| 45   | Komitmen untuk tiada penanaman di atas gambut pada mana-mana tahap kedalaman   | <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen yang jelas untuk tiada penanaman di atas gambut untuk semua pembangunan/penanaman/penyumberan baharu, menyatakan dengan khusus untuk semua tahap kedalaman tanah gambut atau semua tanah gambut sebagaimana yang ditakrifkan berdasarkan takrifan diiktiraf.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Hanya kedalaman tertentu atau tanah gambut tertentu, atau tidak jelas jika komitmen dikenakan terhadap semua pembangunan/penanaman/penyumberan baharu.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen.</p>  |
| 46   | Komitmen tanah gambut dikenakan terhadap skim pekebun kecil dan pembekal bebas | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/peniaga atau jika tidak mempunyai sama ada skim pekebun kecil ataupun pembekal bebas.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen tanah gambut dikenakan terhadap skim pekebun kecil dan pembekal bebas (sekiranya mempunyai kedua-duanya sekali, atau terhadap satu sahaja jika hanya mempunyai satu), atau terhadap semua pembekal.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Hanya mempunyai sebahagian komitmen bagi penunjuk di atas, atau komitmen hanya dikenakan terhadap skim pekebun kecil atau pembekal bebas (sekiranya mempunyai kedua-duanya sekali).</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Komitmen tidak dikenakan terhadap skim pekebun kecil atau pembekal.</p> |

|    |  |  |
|----|--|--|
| 47 | Komitmen terhadap amalan pengurusan terbaik untuk tanah dan gambut                 | <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen terhadap Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) atau Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi tanah DAN gambut (atau hanya tanah jika jelas menyatakan tiada gambut dalam mana-mana operasi). Sebagai contoh, tidak mendegradasi, mengurangkan pemadatan, tiada hakisan, atau memulihara tanah. Mestilah komitmen penuh terhadap amalan terbaik, bukan hanya terhad kepada beberapa jenis amalan sahaja (contohnya, membuat pernyataan ringkas tentang mencegah hakisan).</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Hanya komited terhadap BMP untuk tanah atau gambut.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen, atau hanya meliputi terhad beberapa amalan sahaja.</p>  |
| 48 | Simpanan tanah atau kawasan yang ditanam adalah di atas gambut                     | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang sahaja.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Melaporkan jumlah keluasan kawasan atau kawasan yang ditanam yang merupakan tanah gambut.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Data berusia melebihi dua tahun, atau tidak meliputi sepenuhnya ruang lingkup operasi syarikat.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p>  |
| 49 | Bukti amalan pengurusan terbaik untuk tanah dan gambut                             | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang sahaja.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Terdapat contoh melaksanakan amalan pengurusan untuk memulihara tanah dan gambut (atau hanya tanah jika jelas menyatakan tidak ada gambut dalam mana-mana operasi). Contohnya: mengitar semula nutrien tanah; tidak menanam di tanah marginal atau tanah rapuh; menggunakan kaedah peneresan dan penutup bumi untuk mengurangkan hakisan; menguruskan paras air untuk gambut; kursus atau bengkel tentang tanah atau gambut.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Hanya menunjukkan bukti pengurusan tanah atau gambut (jika mempunyai tanah di kawasan gambut).</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p>   |
| 50 | Komitmen untuk pembakaran sifar  | <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen jelas terhadap tiada pembakaran atau pembakaran sifar bagi semua pembangunan/penanaman/penanaman semula/penyumberan yang baharu.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Tiada komitmen terhadap pembakaran, tetapi tidak jelas jika dikenakan terhadap semua pembangunan/penanaman/penanaman semula/penyumberan yang baharu, atau hanya suatu komitmen untuk menghadkan penggunaan api.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tiada komitmen.</p>   |
| 51 | Komitmen pembakaran sifar dikenakan terhadap skim pekebun kecil dan pembekal bebas | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/peniaga atau jika tidak mempunyai sama ada skim pekebun kecil ataupun pembekal bebas.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen pembakaran sifar dikenakan terhadap skim pekebun kecil dan pembekal bebas (jika mempunyai kedua-duanya, atau hanya terhadap satu sahaja jika mempunyai satu sahaja), atau terhadap semua pembekal, dan memenuhi sepenuhnya keperluan penunjuk terdahulu.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Komitmen memenuhi hanya sebahagian keperluan penunjuk terdahulu, atau komitmen hanya dikenakan terhadap skim pekebun kecil atau pembekal bebas (jika mempunyai kedua-duanya), dan memenuhi sepenuhnya keperluan penunjuk terdahulu.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Komitmen hanya dikenakan terhadap skim pekebun kecil atau pembekal bebas (jika mempunyai kedua-duanya) dan hanya memenuhi sebahagian sahaja keperluan penunjuk terdahulu, atau tiada komitmen.</p> |
| 52 | Bukti pengurusan dan pemantauan kebakaran  | <p>✔ [1 mata] Ya: Bukti sekurang-kurangnya satu pemantauan kebakaran dan satu aktiviti pengurusan kebakaran. Contohnya: sistem untuk mengawasi titik panas/kebakaran; kawasan yang dipantau untuk titik panas/kebakaran; cara mengurus atau berhadapan dengan kebakaran yang dilaporkan; langkah untuk mencegah kebakaran; aktiviti di bawah <i>Fire Free Alliance</i>.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Hanya satu jenis aktiviti disebutkan.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p>   |
| 53 | Butiran/bilangan titik panas/kebakaran di estet milik syarikat                     | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Jumlah titik panas/kebakaran, atau butiran tentang semua titik panas/kebakaran sepanjang tempoh ditetapkan bagi estet sendiri.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Melaporkan maklumat terhad tentang titik panas/kebakaran dalam estet sendiri, atau data berusia melebihi dua tahun.</p> <p>❌ [0 mata] Tidak: Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p>  |

|    |  |   |
|----|--|---|
| 54 | Butiran/bilangan titik panas/kebakaran di landskap sekitar/kawasan pekebun kecil   | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pemproses/pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Jumlah bilangan titik panas/kebakaran atau butiran tentang semua titik panas/kebakaran sepanjang jangka masa ditetapkan bagi kawasan landskap sekitar dan/atau estet pekebun kecil.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Melaporkan maklumat terhad tentang titik panas/kebakaran di kawasan landskap sekitar, dan/atau estet pekebun kecil, atau data berusia melebihi dua tahun.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada data, atau data berusia melebihi lima tahun, atau tidak bertarikh.</p>  |
| 55 | Komitmen masa terikat untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) | <p><b>Dilumpuhkan jika hanya pedagang.</b></p> <p>✔ [1 mata] Ya: Komitmen masa terikat untuk mengurangkan intensiti GHG pada keseluruhan operasi minyak sawit atau keseluruhan operasi berpandukan peratusan dan jangka masa khusus (iaitu sebanyak X % sebelum YYYY), atau sudah mencapai sasaran komitmen masa terikat.</p> <p>🟡 [0.5 mata] Separa: Komitmen tidak meliputi keseluruhan operasi termasuk operasi minyak sawit, sebagai contoh, hanya dikenakan terhadap pelepasan gas kenderaan, atau mempunyai sasaran untuk mengurangkan GHG, tetapi tidak masa terikat, atau ada masa-terikat tetapi tiada sasaran (contohnya, pelan untuk mengurangkan pelepasan GHG menjelang 2020 tetapi tidak menyatakan cara dan peratusan), atau mempunyai sasaran, tetapi tidak melaporkan intensiti secara khusus.</p> <p>✖ [0 mata] Tidak: Tiada sasaran, atau komitmen samar-samar untuk mengurangkan pelepasan gas atau pelepasan GHG secara amnya.</p> |
